



## **KERTAS EKSEKUTIF 2**

**YBHG. DATO' MOHD RODZWAN BIN MOHD BABA SAKRI**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (AIR)**  
**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Sempena

**PERSIDANGAN PENGURUS KANAN DAN JURUTERA DAERAH**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**  
**TAHUN 2025**

Tarikh : 13 Ogos 2025, Rabu  
Masa : 10.40 pagi  
Tempat : Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan

## ***SALUTASI***

---

**Yang Berusaha Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib**

Ketua Pengarah

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

**Yang Berusaha Ir. Haji Mohd. Azmin bin Hussin**

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

**Yang Berusaha Ir. Mat Pua'at bin Mat Husain**

Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Ir. Ratna Rajah Sivapiragasam**

Pengarah HTC Kuala Lumpur

Menanggung tugas

Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

**YBrs. Puan Roshana Alma binti Mohd Ali**

Setiausaha Bahagian Sumber Air

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah Negeri,

Pengurus-Pengurus Kanan,

Jurutera-Jurutera Daerah,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, semua peserta persidangan yang saya hormati sekalian.

## UCAPAN

---

### MUKADIMMAH



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul di sini pada hari ini untuk menghadiri Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia tahun 2025.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pengurusan JPS kerana sudi menjemput saya untuk membentangkan Kertas Eksekutif dalam persidangan ini. Saya dimaklumkan bahawa persidangan ini diadakan pada setiap tahun dan hampir separuh jurutera kanan JPS akan berkumpul dalam persidangan ini. Oleh itu, saya berpandangan persidangan ini merupakan platform terbaik untuk saya menyampaikan hasrat dan hala tuju Kementerian kepada JPS.
3. Saya dimaklumkan tema persidangan tahun ini adalah **Jayakan Perkhidmatan Sempurna** iaitu mengambil sempena slogan Jabatan yang telah digunakan sekian lama. Harapan saya semoga perkongsian saya ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh semua warga JPS.

**(Slaid 2)**

4. Pembentangan saya pada hari ini akan meliputi perkara-perkara seperti yang dipaparkan di hadapan.

**(Slaid 3 dan 4)**

**RANCAKKAN MADANI DALAM PELAKSANAAN PROJEK JPS**

Hadirin yang dihormati,

5. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Malaysia MADANI pada 19 Januari 2023. Sebagai penjawat awam, seharusnya kita menyokong dan bekerja keras bagi menjayakan dan memberi komitmen untuk terus melaksanakan agenda Malaysia MADANI demi kesejahteraan rakyat.

6. Malaysia MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Malaysia MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

7. Misi Malaysia MADANI adalah untuk mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih maju dan makmur, manakala visinya untuk mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada, mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia, dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.

8. Malaysia MADANI menekankan enam teras utama yang menjadi panduan iaitu KEMAM<sup>U</sup>PANAN, KESEJA<sup>H</sup>TERAAN, <sup>D</sup>AYA CIPTA, HORMA<sup>T</sup>, KEYAKI<sup>N</sup>AN, dan <sup>I</sup>HSAN.

9. Oleh itu, setiap dasar dan projek yang dilaksanakan mesti membawa manfaat yang nyata kepada rakyat, meningkatkan taraf hidup, memperkukuh ekonomi, dan menjamin masa depan negara yang lebih makmur serta inklusif.

10. Marilah kita bergerak seiring dengan semangat MADANI, menggembeleng tenaga demi membina Malaysia yang lebih hebat demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

11. Lanjutan dari seruan Rancakkan MADANI, JPS perlu menyepadukan keenam-enam teras MADANI dalam pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatannya kepada rakyat dengan pendekatan berikut:

- a. KEMAM<sup>U</sup>PANAN – Penerapan kaedah yang lestari dalam projek-projek JPS.
- b. KESEJA<sup>H</sup>TERAAN – Menekankan manfaat yang dapat disampaikan kepada rakyat.
- c. <sup>D</sup>AYA CIPTA – mengamalkan pendekatan inovatif dalam pelaksanaan dan pemantauan projek.
- d. HORMA<sup>T</sup> – menghormati keperluan dan masalah rakyat dengan mengadakan sesi libat urus yang telus dan adil.
- e. KEYAKI<sup>N</sup>AN – mengamalkan cara kerja yang telus dan berintegriti bagi memastikan rakyat terus yakin dengan perkhidmatan yang diberikan.

- f. IHSAN – melaksanakan tugas dengan penuh nilai kemanusiaan dan empati kepada rakyat. Jabatan juga perlu cakna untuk melindungi alam sekitar dan sumber air bagi menjamin kelestariannya untuk generasi akan datang.

12. JPS telah mengemukakan sebanyak 632 permohonan projek baharu dan sedia ada dalam RMK-13. Penekanan teras MADANI dalam setiap projek perlu dilaksanakan supaya rakyat mendapat manfaat yang maksimum.

**(Slaid 5)**

## **RANCANGAN MALAYSIA KE-13**

Hadirin yang dihormati,

13. Malaysia kini berdepan dengan cabaran akibat bencana alam seperti banjir besar dan kesan perubahan iklim yang semakin ketara. Isu ini memberi impak langsung terhadap keselamatan rakyat, kestabilan ekonomi, dan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks ini, kerangka Ekonomi MADANI yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia menyediakan peluang untuk menyepadukan usaha Pengurangan Risiko Bencana (Disaster Risk Reduction - DRR) dan adaptasi perubahan iklim sebagai sebahagian daripada pembangunan negara yang mampan dan adil.

14. Matlamat jangka panjang dan objektif Ekonomi MADANI adalah:
- a. Menaikkan siling peneraju ekonomi Asia;
  - b. Memperkukuh tatakelola baik;
  - c. Reformasi sektor awam; dan

d. Menaikkan lantai peningkatan darjat hidup rakyat.

15. Projek Rancangan Tebatan Banjir yang dilaksanakan JPS merupakan agenda penting bagi meningkatkan mutu kehidupan rakyat dalam kerangka Ekonomi MADANI. Sebanyak 103 buah projek dalam RMK-13 telah dikenalpasti dan menjadi tanggungjawab JPS memastikan pelaksanaan projek-projek berkenaan lancar dan berjaya supaya manfaatnya dapat sampai kepada rakyat.

**(Slaid 6)**

## **PERANAN JPS DALAM HALA TUJU SEKTOR AIR**

16. Dalam Pelan Strategik PETRA 2023 – 2030, penglibatan JPS adalah di bawah Teras 2, dalam Strategi 9 dan 10.

17. Strategi 9 memberi fokus kepada pencapaian dalam pengukuhan perlindungan rakyat melalui pengurusan risiko bencana hidroiklim. Peranan JPS di sini adalah melalui pelaksanaan projek tebatan banjir, penyediaan garis panduan Pengurusan Keselamatan Empangan dan projek perlindungan kawasan pantai rentan.

18. Manakala Strategi 10 pula menjurus kepada pemantapan pengurusan air melalui pengukuhan tadbir urus, di mana JPS menumpukan kepada pencapaian Dasar Air Negara dan pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM).

19. Pada masa yang sama, PETRA turut menerajui Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) yang lebih meluas jangkauan, tempoh masa dan matlamatnya. Pelaksanaan Pelan Strategik PETRA akan

melengkapi matlamat AIR 2040 dan seterusnya pencapaian SDG 6 – Air Bersih dan Sanitasi.

**(Slaid 7 dan 8)**

## **PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PETRA/JPS**

Hadirin yang dihormati,

20. Isu prestasi perbelanjaan pembangunan JPS sememangnya akan menjadi agenda wajib dalam *engagement* PETRA dengan JPS.

21. Perbelanjaan PETRA sehingga 13 Julai 2025 adalah 27.03%, jauh di bawah purata nasional 42.31%. Memandangkan JPS adalah penerima terbesar peruntukan dalam PETRA iaitu sebanyak 58.65%, status perbelanjaan JPS menjadi penentu prestasi PETRA.

22. PETRA mengambil maklum bahawa sehingga kini, perbelanjaan peruntukan JPS masih mengikut unjuran yang dibuat. Namun, pemantauan perlu dilaksanakan dengan sangat teliti supaya tiada isu yang timbul bakal mengganggu perbelanjaan. Semakin hampir ke hujung tahun, ruang untuk intervensi semakin terhad. Perkara ini menjadi semakin kritikal dengan pelaksanaan Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) yang tidak membenarkan pemulangan peruntukan dibuat.

23. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak pengurusan JPS dapat memandang serius perkara ini.

**(Slaid 9)**

## **REFORMASI KERENAH BIROKRASI**

24. Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) adalah selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkukuh sistem tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap dan berkesan.

25. Pelaksanaannya akan membantu merealisasikan prinsip Malaysia MADANI seperti kecekapan, ketelusan dan keadilan sosial yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

26. Pekeliling Am Bilangan 3/2024 berkenaan Pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi telah berkuatkuasa pada 24 November 2024. Kementerian-kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menyahut seruan ini dengan melaksanakan perubahan cara kerja.

27. Saya menyeru JPS juga dapat melaksanakan perubahan selari dengan reformasi kerenah birokrasi ini dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan Jabatan.

**(Slaid 10)**

## **INOVASI MADANI DALAM JPS**

28. Inovasi atau daya cipta merupakan titik tolak perubahan serta penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju. Semua

agensi perlu membudayakan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan supaya dapat kekal relevan dalam perubahan masa.

29. Projek Stormwater Management and Road Tunnel (SMART) merupakan contoh hasil inovasi JPS ikonik yang terkenal di seluruh dunia dan menjadi inspirasi kepada aplikasi seumpamanya di negara luar. Saya menyeru JPS agar dapat menghasilkan lebih banyak lagi inovasi setaraf dengan SMART.

30. Di JPS terdapat enam (6) inovasi yang telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan untuk digunakan dalam perolehan kerajaan meliputi pelbagai inovasi dalam perlindungan hakisan pantai dan sungai, sokongan asas pembinaan di kawasan tanah lembut, sistem automasi berkaitan pengurusan air dan pembilang hujan, serta kebersihan sungai.

31. Kelebihan penggunaan hasil inovasi JPS ini adalah syarat penggunaannya boleh dinyatakan dengan jelas dalam spesifikasi kerja tender dan sebutharga JPS melibatkan 58 projek rintis. Ini merupakan satu insentif yang baik untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi. Tahniah diucapkan kepada JPS dan pasukan pereka cipta.

32. Pada masa yang sama, JPS perlu menggalakkan lebih banyak penciptaan, dan inovasi yang berpotensi boleh diketengahkan dan dikomersialkan dengan lebih meluas. Selain bekerjasama dengan pihak swasta dalam pembangunan dan pengkomersilan, JPS juga digalakkan untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi lain seperti Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan inovasi.

(Slaid 11)

## PROMOSI JPS

Hadirin yang dihormati,

33. Kita tidak boleh menolak *trend* semasa yang menggunakan media sosial untuk melonjakkan imej sesebuah organisasi. PETRA sendiri menggunakan platform ini untuk lebih mendekati rakyat dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti dan berkongsi maklumat yang bermanfaat kepada rakyat.

34. Perlu ditekankan di sini bahawa komunikasi berkesan adalah penting untuk meningkatkan profil positif JPS supaya lebih dikenali dan mudah didekati.

35. JPS perlu cakna dengan citarasa masyarakat dan media *preference* sekarang serta cuba melaksanakan sebaran maklumat melalui pendekatan yang tepat supaya mencapai sasaran.

36. Cara penyampaian maklumat juga perlu dibuat dengan gaya terkini bagi menarik minat golongan muda. Lebih banyak maklumat bermanfaat dan praktikal kepada rakyat perlu disediakan dan dikongsikan.

37. Saya menyeru supaya JPS lebih dekat dan mesra dengan media supaya profil positif JPS boleh diketengahkan. Saya dan PETRA turut merasa bangga apabila JPS mendapat pengiktirafan baik dalam media dan juga akan turut merasa tempiasnya apabila laporan buruk pula yang disiarkan. Oleh itu, lebih banyak program bersama media perlu dianjurkan supaya hubungan JPS dengan media sentiasa rapat dan mesra.

(Slaid 12)

## **KEPERLUAN *SUBJECT MATTER EXPERT* (SME) DALAM JPS**

38. Dalam menghadapi cabaran pembangunan infrastruktur dan pengurusan sumber air yang semakin kompleks, JPS tidak boleh hanya bergantung kepada kepakaran luar. Kita perlu melahirkan lebih banyak SME dalaman JPS — tenaga pakar yang mahir dan bersedia menyesuaikan diri dengan keperluan semasa dan akan datang.

39. Oleh itu, satu elemen penting yang perlu diberi penekanan dalam keberhasilan projek-projek JPS ialah untuk mewujudkan kepakaran dalaman sendiri, atau dalam kata lain "Create Your Own Expertise". Perkara ini boleh dicapai melalui:

a. Pertama: Pembangunan Sumber Manusia

JPS perlu melatih kakitangan dalam bidang-bidang baharu seperti kecerdasan buatan (AI), perubahan iklim, dan juga pendekatan Nature-Based Solutions.

Ini bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan untuk kekal relevan dalam dunia pembangunan yang semakin dipacu oleh teknologi dan kesedaran terhadap kelestarian alam.

b. Kedua: Kemajuan Teknologi

JPS mesti kekal seiring dengan arus teknologi.

JPS memerlukan pegawai yang faham dan mampu menggunakan teknologi terkini bagi mengurus projek dengan lebih baik, efisien, dan telus.

c. Ketiga: Pengurusan Projek

Ramai yang tidak sedar bahawa banyak kelewatan projek berpunca daripada kelemahan dalaman — seperti sistem kerja yang usang, atau kurangnya tenaga mahir.

40. Oleh itu, kita perlu memastikan setiap projek yang kompleks diuruskan oleh pasukan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, serta budaya kerja yang mementingkan hasil dan integriti.

41. Saya menyeru supaya JPS dapat menjadi sebuah pusat rujukan nasional dalam pengurusan sumber air dan infrastruktur berkaitan air.

**(Slaid 13)**

## **MEMBUDAYAKAN KESERONOKAN BEKERJA DALAM JPS**

42. Selari dengan Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 : Budaya Keseronokan Bekerja sebagai Strategi Keberhasilan Reformasi 4, JPS perlu memberi penekanan persekitaran yang kondusif dan menyeronokkan.

43. Pelaksanaan ini adalah bagi menjamin keseimbangan emosi dan kesejahteraan mental penjawat awam seterusnya menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih cemerlang. Individu yang seronok dan bahagia didapati lebih berjaya, berprestasi tinggi dalam pekerjaan, mempunyai hubungan yang sejahtera dan tahap kesihatan yang baik.

44. Keseronokan bekerja juga perlu datang daripada perasaan puas hati apabila berjaya menyelesaikan masalah rakyat dengan perancangan dan

tindakan yang telah diambil oleh Jabatan, seterusnya bersemangat untuk melaksanakan tugas-tugas seterusnya.

45. Dalam apa jua hal, kehendak Jabatan dan keperluan pekerja perlu diseimbangkan. Hak-hak pekerja perlu dilindungi dan dihormati. Penyediaan persekitaran yang kondusif oleh pihak Jabatan juga perlu dilaksanakan. Pada masa yang sama, warga kerja juga perlu bersungguh-sungguh dalam menjalankan tanggungjawab untuk mencapai objektif dan matlamat Jabatan.

46. Saya menyeru kepada semua yang berada di sini supaya lebihkan kerjasama dan jangan mengamalkan perasaan hasad dengki bagi mewujudkan keharmonian dalam JPS.

**(Slaid 14)**

## **HARAPAN – PENUTUP**

Hadirin yang dihormati,

47. Saya rasa tidak terlalu lewat untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, di atas lantikan beliau sebagai Ketua Pengarah JPS yang baharu. Lantikan ini membuka lembaran baharu dengan barisan kepimpinan muda yang akan menerajui JPS. Tempoh kepimpinan beliau yang panjang ini seharusnya membuka ruang untuk perancangan dan pelaksanaan strategi jangka panjang JPS supaya pelaksanaannya lebih berkesan dan lebih *visible* ke arah mencapai impak perubahan positif yang berkekalan.

48. Saya juga amat berbangga dengan kerjasama erat yang ditunjukkan antara PETRA dan JPS. Kita adalah agensi yang saling melengkapi dan saya berharap kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan lebih erat lagi.

49. Akhir kata, marilah kita sama-sama menanamkan iltizam untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kita kepada rakyat, selari dengan azam Malaysia MADANI dan semangat Jayakan **Perkhidmatan Sempurna**.

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**